

NGO cadang Dr Mahathir

Pengerusi MPN

BH - 25/8/2021 v/s:

Kuala Lumpur: Gabungan 114 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengesyorkan Tun Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN).

Pengarah Reset Malaysia, Dr Abu Hafiz Salleh Hudin, yang mewakili NGO berkenaan berkata majlis itu perlu diterajui pemimpin yang berpengalaman dalam menangani krisis negara.

Selain itu katanya, majlis perlu diletakkan di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong dan bukan Perdana Menteri bagi mengelak campur tangan politik.

“Justeru, kami berharap Yang di-Pertuan Agong mempertimbang, meluluskan dan menyokong penubuhan majlis untuk diletakkan di bawah baginda.

“Ini sangat penting untuk kestabilan dan merawat kembali Malaysia sebagai negara berdaulat,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum di Istana Negara, semalam.

Jun lalu, Dr Mahathir mencadangkan penubuhan MPN bagi menyelesaikan isu ekonomi, politik, sosial dan kesihatan dihadapi negara, kesan penularan pandemik COVID-19.